



هوج ليونج م.س.أ.ج. تكافل

## HLMT DANA BERKAITAN-PELABURAN

### Laporan Prestasi Dana

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018





## Kandungan

	<b>Muka surat</b>
Utusan Ketua Pengawai Eksekutif	1-2
Objektif Dana	3
Ulasan Pelaburan	
HLMT i-Balanced Fund	4 - 6
HLMT i-Income Fund	7 - 9
My Steady 10 Plan	10 - 12
HLMT i-Equity Fund	13 - 15
Pasaran Ekuiti	16 - 17
Pendapatan Tetap	18 - 19
Tinjauan Pelaburan	20
Maklumat Kewangan	
Penyata Aset dan Liabiliti	21 - 24
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	25 - 26
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	27 - 28
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	29 - 38
Penyata Pengurus	39
Laporan Juruaudit Bebas	40 - 42



## UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kepada Semua Pemegang Sijil yang Dihargai,

Kami dengan sukacitanya membentangkan kepada anda laporan prestasi dana Hong Leong MSIG Takaful Berhad bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018. Dana berkaitan pelaburan kami ialah HLMT i-Balanced Fund, HLMT i-Income Fund, MY Steady 10 Plan dan HLMT i-Equity Fund.

Untuk tahun kewangan yang telah berlalu, dagangan pasaran tempatan malangnya adalah senyap. Keadaan ini wujud walaupun prestasi ekonomi dasar negara adalah kukuh namun disebabkan perolehan korporat terus merosot di bawah jangkaan. Keadaan ini diburukkan lagi oleh Pilihan Raya Umum ke-14 yang bakal diadakan kerana pelabur mengambil sikap menunggu dan melihat. Sebaliknya, pasaran serantau menawarkan prospek pertumbuhan yang lebih menambat minat pada penilaian yang menarik, terutamanya pasaran berkaitan teknologi tradisional seperti Taiwan dan Korea Selatan. Natijahnya, pada separuh pertama tempoh kewangan, pasaran tempatan menyaksikan pencairan modal asing secara berterusan di mana aliran keluar ekuiti dianggarkan hampir RM0.2b. Pasaran pendapatan tetap tempatan, sebaliknya, lebih menguntungkan dengan kemasukan sebanyak RM12.9b apabila para pelabur asing berlumba-lumba membeli Sekuriti Kerajaan Malaysia sebagai pelaburan proksi berikutan Ringgit dinilai rendah. Ringgit juga disokong oleh kenaikan harga minyak mentah Brent daripada US\$46.33 setong kepada US\$74.25 setong pada akhir tempoh kewangan di sebalik tekanan bekalan global.

Ketika kita menuju ke arah akhir tahun 2017, pasaran ekuiti Malaysia membalikkan arah dan mula mencatatkan peningkatan disokong oleh aktiviti hiasan luar akhir tahun, serta jangkaan perolehan korporat yang lebih kukuh sejajar dengan ramalan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.4% untuk 2018. Pasaran kewangan di seluruh dunia juga disokong oleh kejayaan AS meluluskan rang undang-undang pembaharuan cukai yang menyemarakkan rali, dan saham teknologi secara keseluruhannya meraih manfaat dengan jangkaan peningkatan penggunaan teknologi dalam IOT. Walau bagaimanapun, keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 telah menjelaskan aktiviti-aktiviti dengan perubahan mendadak dalam dasar kerajaan. Ini malangnya ditambah lagi oleh ketegangan perdagangan yang semakin meningkat antara AS dan China, menyebabkan indeks utama termasuk Indeks Syariah melakukan pembetulan. Pasaran tempatan menyaksikan aliran keluar asing yang besar mencecah RM7b YTD. Indeks FBM Syariah untuk tempoh di bawah semakan merosot 5.7% untuk ditutup pada 12,092.55 mata. Sentimen dalam pasaran bon tempatan juga menjadi berhati-hati dengan hasil bagi MGS 10-tahun melepas 4.2% dan Ringgit melemah kepada RM4.0385/US\$ pada akhir tempoh di bawah semakan. Yakinlah, kami akan menggunakan peluang yang dijana oleh sebarang kemeruapan pasaran untuk terus membina portfolio kukuh untuk dana anda bagi masa depan.



## UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMB.)

Akhir kata, kami akan terus komited untuk berusaha dalam menyampaikan produk dan perkhidmatan terbaik untuk memperkayakan perlindungan hayat anda. Tahun kewangan 2018/2019 akan menjadi tempoh kemajuan untuk HLM Takaful kerana kami melaksanakan pelbagai inisiatif dan strategi dalam usaha kami untuk mengembangkan perniagaan kami. Kami dengan ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kami atas sokongan berterusan anda kepada HLMT dan terima kasih kerana memilih HLM Takaful sebagai penyedia Takaful pilihan anda. Kami tidak sabar-sabar untuk bersama-sama membina kejayaan yang lebih besar pada 2018/2019.

**Mohd Asri Omar**

Ketua Pegawai Eksekutif



## OBJEKTIF DANA

HLMT i-Balanced Fund bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui pelbagai portfolio pelaburan yang mengandungi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

HLMT i-Income Fund bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang sebahagian besarnya merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil dalam sekuriti ekuiti.

My Steady 10 Plan merupakan satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset-aset utamanya tertakluk kepada kadar Syariah.

HLMT i-Equity Fund bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan dalam sekuriti syarikat yang tersenarai dan mematuhi Syariah.

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-BALANCED FUND


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, hampir 47% dana dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah sementara 43% dilaburkan dalam bon Islam. Kami akan secara progresif mengurangkan komponen wajaran ekuiti kecuali bagi pegangan saham sedia ada, kami tidak akan menyimpang dari komponen Indeks Syariah. Saham yang menyeret prestasi keseluruhan dana adalah terutamanya telekomunikasi, pembinaan dan konsesi tol (Littrak).

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2018

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-BALANCED FUND (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2018	2017	2016	2015	2014
Jumlah NAB (RM)	5,929,538	6,628,808	6,249,085	6,023,480	5,886,028
Bilangan unit	4,733,540	4,715,020	4,876,708	4,791,451	4,820,202
NAB seunit (RM)	1.2527	1.4059	1.2814	1.2571	1.2211
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4772	1.4059	1.2814	1.2598	1.1923
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2523	1.2916	1.241	1.2144	1.1557
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	-10.93%	9.75%	1.91%	2.95%	2.51%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	-10.93%	9.75%	1.91%	2.95%	2.51%
- 3 tahun	-0.13%	4.81%	2.86%	4.23%	2.23%
- 5 tahun	1.25%	4.84%	3.31%	3.69%	3.50%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% SD)					
- 1 tahun	-1.44%	4.41%	0.79%	-3.58%	6.03%
- 3 tahun	1.35%	0.72%	1.00%	3.11%	5.61%
- 5 tahun	1.37%	3.12%	2.74%	4.69%	9.25%

	Prestasi Dana
	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 2)	-0.82%
Purata pulangan tahunan - Dana	
- 1 tahun	-0.82%
- 3 tahun	2.82%
- 5 tahun	2.54%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% SD)	
- 1 tahun	-1.44%
- 3 tahun	1.35%
- 5 tahun	1.37%

#### Nota:

Pelarasan yang timbul akibat daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FY 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan itu hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa bagi kemasukan sedemikian. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah seperti Nota 2.

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-BALANCED FUND (SAMB.)

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2018	2017	2016	2015	2014
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	52.66	43.41	22.94	24.22	20.99
Bon Islam tidak disebutharga	47.34	40.21	62.30	63.75	64.68
Deposit dengan institusi kewangan Islam	-	16.38	14.76	12.03	14.33
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Komposisi ekuiti dan unit amanah mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2018	2017	2016	2015	2014
Perdagangan/Perkhidmatan	51.92	41.36	54.61	45.88	44.5
Barangan Industri	13.23	18.88	9.92	22.18	17.31
Pertanian	0.91	6.53	5.63	2.89	3.96
Pembinaan	3.42	5.78	2.48	6.28	19.06
Hartanah	6.86	9.25	6.14	11.20	15.17
Barangan Pengguna	7.69	1.97	12.96	11.57	-
Teknologi	1.43	-	-	-	-
Infrastruktur	9.57	10.48	6.79	-	-
REITS	3.12	3.43	1.47	-	-
Kewangan	1.85	2.32	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor					
	Weighting %				
	2018	2017	2016	2015	2014
Kerajaan	33.42	-	-	-	-
Agensi Kerajaan	-	-	-	-	-
Barangan Pengguna	-	-	-	-	-
Kewangan	33.61	89.32	92.13	92.11	92.16
Pembinaan	32.97	10.68	7.87	7.89	7.84
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-INCOME FUND


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana telah dilabur sepenuhnya ke dalam bon Islam yang memberikan hasil yang lebih tinggi berbanding dengan Deposit Tetap. Dana melabur 51.16% dalam Sukuk Korporat manakala 48.84% dilabur ke dalam Aset Risiko Rendah.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2018

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-INCOME FUND (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2018	2017	2016	2015	2014
Jumlah NAB (RM)	3,270,064	3,406,915	3,267,648	3,119,674	2,958,923
Bilangan unit	2,338,075	2,256,800	2,260,723	2,263,055	2,273,146
NAB seunit (RM)	1.3986	1.5096	1.4454	1.3785	1.3017
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.5420	1.5099	1.4454	1.3785	2.5717
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3983	1.4566	1.381	1.3103	1.2465
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	-7.35%	4.47%	4.79%	5.91%	1.59%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	-7.35%	4.47%	4.79%	5.91%	1.59%
- 3 tahun	0.47%	5.06%	4.51%	5.53%	2.58%
- 5 tahun	2.01%	5.17%	4.83%	4.72%	4.02%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (20% FBM ESI + 80% SD)					
- 1 tahun	1.17%	3.48%	1.85%	0.04%	4.13%
- 3 tahun	2.36%	2.15%	1.99%	2.85%	3.85%
- 5 tahun	2.42%	3.13%	2.68%	3.44%	5.79%

	Prestasi Dana	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 2)		3.08%
Purata pulangan tahunan - Dana		
- 1 tahun	3.08%	
- 3 tahun	3.55%	
- 5 tahun	3.45%	
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (20% FBM ESI + 80% SD)		
- 1 tahun	1.17%	
- 3 tahun	2.36%	
- 5 tahun	2.42%	

#### Nota:

Pelarasan yang timbul akibat daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FY 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan itu hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa bagi kemasukan sedemikian. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah seperti Nota 2.

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-INCOME FUND (SAMB.)

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2018	2017	2016	2015	2014
Bon Islam tidak disebutharga	100.00	100.00	88.28	100.00	100.00
Deposit dengan institusi kewangan Islam	-	-	11.72	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2018	2017	2016	2015	2014
Kerajaan	21.85	13.99	-	-	-
Agensi Kerajaan	13.73	-	16.28	14.98	16.93
Telekomunikasi	-	-	-	-	9.02
Infrastruktur	24.59	25.11	-	-	-
Kewangan	39.83	60.9	70.27	72.68	74.05
Pengangkutan	-	-	13.45	12.34	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

## ULASAN PELABURAN

### MY STEADY 10 PLAN


MY Steady 10 Plan, satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah, membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan pada kadar indikatif sebanyak 44.20% dan modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset rujukan asas tertakluk kepada kadar Islam.

Tiada caj yang dikenakan ke atas dana ini sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2018

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### MY STEADY 10 PLAN (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2018	2017	2016	2015	2014
Jumlah NAB (RM)	3,958,591	3,816,123	3,676,508	3,565,052	3,607,499
Bilangan unit	2,914,576	2,914,576	2,914,576	3,012,776	3,220,960
NAB seunit (RM)	1.3582	1.3093	1.2614	1.1833	1.1200
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3582	1.3093	1.2614	1.2541	1.121
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3126	1.1662	0.934	1.1556	1.0858
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	3.74%	3.83%	6.59%	5.62%	2.07%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	3.74%	3.83%	6.59%	5.62%	2.07%
- 3 tahun	4.71%	5.34%	4.75%	5.76%	3.65%
- 5 tahun	4.36%	5.54%	4.75%	n/a	n/a
Purata pulangan tahunan					
- Penanda aras (60 bulan NIDC)					
- 1 tahun	2.43%	3.27%	3.38%	2.91%	4.13%
- 3 tahun	3.02%	3.19%	3.25%	3.17%	3.85%
- 5 tahun	3.09%	3.23%	3.22%	n/a	n/a

Prestasi Dana	
	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 2)	3.34%
Purata pulangan tahunan - Dana	
- 1 tahun	3.34%
- 3 tahun	4.22%
- 5 tahun	3.99%
Purata pulangan tahunan	
- Penanda aras (60 bulan NIDC)	
- 1 tahun	2.43%
- 3 tahun	3.02%
- 5 tahun	3.09%

#### Nota:

Pelarasan yang timbul akibat daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FY 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan itu hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa bagi kemasukan sedemikian. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah seperti Nota 2.



## ULASAN PELABURAN

### MY STEADY 10 PLAN (SAMB.)

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2018	2017	2016	2015	2014
Pelaburan Berstruktur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-EQUITY FUND


Secara purata dalam tempoh di bawah semakan, hampir 80% Dana telah dilaburkan, sebelum secara progresif mengurangkan pendedahan ekuiti untuk meningkatkan tahap tunai menjelang akhir tempoh kewangan ketika kami memantau pembaharuan dan perkembangan yang berterusan oleh pentadbiran baharu. Dana kekal cenderung ke arah komponen Indeks Syariah kerana kami percaya ini akan memberi manfaat terbaik kepada para pemegang unit memandangkan ketidaktentuan makro yang berlaku pada masa hadapan. Saham yang menyeret prestasi keseluruhan dana adalah terutamanya telekomunikasi, pembinaan dan konsesi tol (Littrak).

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2018

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-EQUITY FUND (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2018	2017	2016	2015	2014
Jumlah NAB (RM)	16,062,298	15,264,156	12,763,056	2,807,926	1,934,272
Bilangan unit	14,095,914	12,631,470	11,314,819	2,443,388	1,638,151
NAB seunit (RM)	1.1395	1.2084	1.1280	1.1492	1.1808
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2805	1.2596	1.1280	1.1960	1.1232
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1166	1.1414	1.104	1.1488	1.0156
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	-5.70%	7.13%	-1.83%	-2.71%	8.09%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	-5.70%	7.13%	-1.83%	-2.71%	1.59%
- 3 tahun	-0.28%	0.77%	1.43%	n/a	n/a
- 5 tahun	1.06%	n/a	n/a	n/a	n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (80% FBM ESI + 20% SD)					
- 1 tahun	-4.02%	5.24%	-0.10%	-6.66%	7.24%
- 3 tahun	0.31%	-0.61%	0.00%	n/a	n/a
- 5 tahun	0.32%	n/a	n/a	n/a	n/a

	Prestasi Dana	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 2)		-5.43%
Purata pulangan tahunan - Dana		
- 1 tahun	-5.43%	
- 3 tahun	0.96%	
- 5 tahun	1.48%	
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (80% FBM ESI + 20% SD)		
- 1 tahun	-4.02%	
- 3 tahun	0.31%	
- 5 tahun	0.32%	

#### Nota:

Pelarasan yang timbul akibat daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FY 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan itu hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa bagi kemasukan sedemikian. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah seperti Nota 2.

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-EQUITY FUND (SAMB.)


	Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %				
	2018	2017	2016	2015	2014
Sekuriti ekuiti Islam disebut harga di Malaysia	75.97	82.05	50.27	62.53	61.91
Deposit dengan institusi kewangan Islam	24.03	17.95	49.73	37.47	38.09
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

	Komposisi ekuiti dan unit amanah mengikut sektor				
	Wajaran %				
	2018	2017	2016	2015	2014
Perdagangan/Perkhidmatan	50.30	47.73	53.65	66.99	65.42
Hartanah	7.84	7.19	4.00	11.49	10.84
Pembinaan	4.09	8.80	2.31	7.33	8.37
Infrastruktur	9.47	6.08	11.46	4.21	5.09
Pertanian	2.38	2.53	13.79	4.76	10.28
Barangan Pengguna	5.74	1.11	3.03	5.22	-
Kewangan	2.67	2.33	0.38	-	-
Teknologi	2.99	5.25	3.86	-	-
Barangan Industri	11.77	16.87	7.52	-	-
REITS	2.75	2.11	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Ekuiti

Indeks FTSE Malaysia Emas Shariah (1 Julai 2017 – 30 Jun 2018)



Sumber: Bloomberg

Bagi separuh pertama tempoh di bawah semakan, pasaran ekuiti Malaysia agak lemah meskipun banyak pemacu dasar yang positif seperti trend pertumbuhan makroekonomi yang lebih positif di samping pertumbuhan dalam negeri yang kukuh; prospek dasar monetari global yang lembap, pemulihan harga minyak dan penstabilan pada tahap yang lebih tinggi, Ringgit yang kukuh dan pemulihan dalam perolehan korporat. Pasaran ekuiti tempatan hanya mula memecah julat dagangan sempit menjelang akhir tahun 2017 apabila Ringgit meningkat kepada RM4.0465/ US\$ didorong oleh pemulihan harga minyak mentah Brent kepada AS\$66 setong, tahap yang tidak dilihat sejak 2015. Indeks FBM Syariah mengatasi prestasi pasaran yang lebih meluas pada akhir tahun 2017 apabila syarikat bermodal besar terpilih seperti Tenaga, Digi, Petronas Chemical dan Dialog ditutup dengan kukuh.

Selepas permulaan yang baik untuk 2018, pelabur global mula berhati-hati berikutan kebimbangan terhadap kadar pengetatan suasana monetari yang lebih pesat apabila Jerome Powell, pengurus baru Rizab Persekutuan AS (FED) dilihat lebih agresif daripada jangkaan pasaran. Tambahan lagi perang dagangan, yang bermula sebagai ura-ura kini menjadi realiti selepas pentadbiran Trump mengumumkan rancangan untuk mengenakan tarif ke atas keluli dan aluminium yang diimport. Senarai item kini telah diperpanjang kepada import dari China yang bernilai USD\$200 bilion. Pasaran baru muncul paling teruk terjejas berikutan perang dagangan yang semakin sengit dan kecairan di pasaran global semakin ketat apabila Bank Pusat Eropah juga mengisyaratkan penamatkan pelegaan kuantitatifnya.

## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Ekuiti (samb.)

Di pasaran tempatan, pasaran memaparkan rali mini selepas Suruhanjaya Pilihan Raya akhirnya mengumumkan pilihan raya diadakan pada 9 Mei 2018. Walau bagaimanapun, kemenangan Pakatan Harapan yang mengejutkan dan tidak dijangka menyebabkan pasaran menghadapi pembetulan dengan mendadak. Terdapat aliran keluar modal asing yang besar sebanyak USD\$2.6bn dalam bulan Mei dan Jun berikutan ketidakpastian dasar apabila kerajaan baharu membatalkan projek infrastruktur yang besar dan melaksanakan ikrar pilihan raya yang lain terutamanya kadar sifar GST dan akses internet yang lebih murah. Ini seterusnya memberi kesan ke atas sektor pembinaan, bahan binaan dan telekomunikasi manakala di sisi lain, saham pengguna rali berikutan cuti cukai sehingga pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan pada September 2018.

Indeks Syariah juga tidak terkecuali, merosot sebanyak 5.7% dalam tempoh di bawah semakan untuk ditutup pada 12,092.55 mata. Kemerosotan ini juga turut didorong oleh aliran keluar dari semua pasaran baru muncul ke pasaran maju berikutan peningkatan nilai dolar AS yang disebabkan oleh peningkatan ketegangan perang dagangan dan peningkatan risiko makro global.

## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Pendapatan Tetap

Pasaran pendapatan tetap mengalami suasana tidak menentu sepanjang tahun kewangan di bawah semakan kerana pasaran terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan monetari yang lebih ketat dan siri peristiwa geopolitik yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Pada permulaan tahun kewangan, kedua-dua pasaran bon tempatan dan asing mempunyai permulaan yang baik, disokong oleh ketegangan geopolitik dari Korea Utara serta Hurikan Irma yang menangguhkan rancangan Fed untuk menaikkan kadar. Aset berisiko rendah rali akibat aliran masuk ke tempat selamat ketika pelabur mengelak risiko. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja hurikan reda, pasaran bon berbalik berikutnya angka ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan yang membuka ruang untuk kenaikan kadar seterusnya.

Menjelang suku ke-2 dalam tempoh di bawah semakan, pasaran global menyaksikan permulaan suasana roller-coaster seiring dengan Perbendaharaan AS (UST) yang berada pada trend naik turun mendadak yang disebabkan oleh pengelakan risiko. Ini disebabkan oleh jangkaan kenaikan kadar faedah Fed, ketidakpastian mengenai penggantian pengurus Fed seterusnya; pembaharuan cukai AS serta ketegangan geopolitik yang berterusan dan penggantungan Referendum Kemerdekaan oleh Catalonia di Sepanyol di mana masa depan zon euro dipersoalkan lagi.

Pasaran terus berubah-ubah menuju ke suku ke-3 dalam tempoh di bawah semakan dengan pasaran bon tempatan menetapkan nada dengan pergerakan pencapaian sementara dari UST. Hasil UST berada pada trend meningkat dengan ramalan tempo kenaikan kadar Fed yang lebih cepat sementara hasil bon kerajaan tempatan merosot kerana terdapat minat belian. Walau bagaimanapun, ia adalah sementara sahaja kerana hasil bon Malaysia akhirnya bergerak naik seiring dengan hasil global berikutnya inflasi yang lebih kukuh daripada jangkaan di AS.

Namun apa yang mengejutkan, selepas mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) Mac 2018, UST rali walaupun berlaku kenaikan 25 mata asas. Ini disebabkan oleh Fed mengekalkan unjuran mereka bagi tiga kali kenaikan kadar dan bukan empat kali pada 2018. Pasaran pendapatan tetap juga meraih manfaat daripada aliran masuk "ke tempat selamat" setelah kejatuhan mendadak di pasaran ekuiti A.S.

Walau bagaimanapun, pada suku terakhir di bawah semakan, sentimen bertukar dan menyaksikan UST memuncak hanya di bawah 3.03%, melepas paras 3.0% untuk kali pertama dalam 4 tahun. Mengambil petunjuk daripada UST, hasil bon kerajaan tempatan meningkat. Tambahan pula, pasaran bon tempatan juga menjadi berhati-hati berikutnya keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 yang kemudiannya membawa kepada aliran keluar bersih dalam pegangan asing ke atas bon Malaysia pada seluruh spektrum kematangan. Hasil MGS 10-tahun melepas paras 4.20% sementara ringgit terus melemahkan melepas tahap psikologi USD/MYR4 menjelang pertengahan bulan Jun, menyentuh paras rendah USD/MYR4.0385 menjelang akhir tempoh di bawah semakan. Malah, bulan Mei 2018 menyaksikan penjualan tertinggi bon Malaysia berjumlah RM12.9bn, kuantum yang setanding dengan penjualan besar-besaran asing yang berlaku semasa taper and tantrum pada tahun 2013.



## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Pendapatan Tetap (Samb.)

Walau bagaimanapun, sentimen lemah ini juga dilihat merentas semua EM di sebalik ketegangan perang dagangan antara AS dan China manakala dolar AS mengukuh berbanding semua mata wang EM menyebabkan aliran keluar kembali ke pasaran maju. Di pasaran tempatan, keimbangan dalam negeri terhadap Ringgit yang lemah, ketidakpastian yang berlaku dalam dasar dalam negeri dan kekurangan pemangkin baharu juga menyebabkan pelabur pendapatan tetap berada pada nada lemah menjelang akhir tempoh di bawah semakan.

## TINJAUAN PELABURAN

### Ekuiti

Bagi baki tahun 2018, kami menjangka pasaran ekuiti global menjadi tidak menentu kerana pertumbuhan ekonomi dijangka memuncak namun pada masa yang sama akan wujud pengetatan seragam secara global apabila bank-bank pusat terutama telah memberikan petunjuk bahawa era kadar yang amat rendah akan berakhir. Sementara itu, keadaan perdagangan semakin buruk apabila lebih banyak blok dagangan terlibat dalam perang dagangan AS-China mungkin menyebabkan perbelanjaan pelabur dan perbelanjaan perniagaan ditangguhkan. Pengukuh dolar AS juga akan terus menarik aliran keluar dari pasaran baru walaupun kami tidak mengharapkan pengukuh nilai yang berterusan kerana AS juga mempunyai defisit kembar untuk ditangani sementara menghadapi isu politiknya sendiri dengan pilihan raya pada pertengahan November.

Bagi Malaysia, pengekangan dan semakan semula projek-projek besar sektor awam bermakna akan terdapat risiko penurunan pertumbuhan KDNK pada 2019. Wujud ketidakpastian dasar kerana kerajaan baharu ini akan mengambil masa untuk memperkenalkan dasar pertumbuhannya sendiri dan pembentangan Bajet 2019 pada bulan November akan sangat ditunggu-tunggu untuk melihat bidang mana akan menjadi bidang pertumbuhan. Walau bagaimanapun, kami kekal positif dalam jangka panjang kerana pembetulan baru-baru ini bermakna penilaian sektor terpilih menjadi lebih munasabah. Penggunaan swasta juga dijangka terus kukuh disebabkan oleh "cuti cukai" selama 3 bulan dari bulan Jun hingga September 2018. Tambahan pula, kami berharap pembaharuan yang akan mendorong minat pelabur kerana sejarah menunjukkan bahawa ia boleh menjadi pemacu positif dalam rali pasaran ekuiti seperti dalam kes India dan Indonesia pada 2014-2015 apabila mereka menukar kerajaan masing-masing.

### Pendapatan Tetap

Tinjauan pasaran pendapatan tetap dijangka tidak menentu dengan keimbangan berterusan tentang pengetatan kecairan global dan ketegangan perdagangan yang semakin memuncak yang akan mengancam prospek pertumbuhan walaupun pada sisi lain, ini mungkin berpotensi menyederhanakan tempo kenaikan kadar yang dirancang oleh Fed. Walau bagaimanapun, sekiranya Fed teguh pada pendiriannya untuk kenaikan kadar sebanyak 4 kali pada 2018 walaupun kelemahan yang dijangka akan timbul, kami berpendapat bahawa lebih banyak dana akan mengalir keluar dari pasaran baru muncul ke pasaran selamat UST yang berhasil tinggi.

Begitu juga, pasaran bon tempatan akan menjadi tidak menentu kerana data ekonomi di AS terus menjadi salah satu penentu utama sentimen bon tempatan. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat pergerakan pencapaian sementara berikutan potensi pertumbuhan dalam negeri mungkin lebih perlahan dan angka inflasi yang terkawal mungkin menjelaskan arah kadar faedah tempatan. Walau bagaimanapun, pasaran bon tempatan masih menghadapi cabaran sekiranya dolar AS terus meningkat memandangkan pegangan asing yang besar dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, menjadikannya terdedah kepada aliran keluar dana asing. Pada tahap yang lebih mikro, semakan semula projek-projek infrastruktur mega secara berterusan mungkin menyebabkan kemeruapan jangka pendek terutama pada kertas korporat di sektor jalan raya bertol dan pembinaan. Walau bagaimanapun, kelemahan dalam pasaran pendapatan tetap tempatan dan global memberi peluang untuk menggunakan wang tunai untuk mengunci hasil yang lebih tinggi terutamanya semasa tempoh ketika pasaran berkelakuan tidak rasional.



## MAKLUMAT KEWANGAN

### PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2018

	Note	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>ASET</b>					
Pelaburan:					
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	4	3,334,612	-	-	10,767,014
Bon Islam tidak disebutharga	4	2,997,886	3,668,810	-	-
Pelaburan berstruktur	4	-	-	4,792,793	-
Keuntungan terakru		26,483	32,937	-	597
Deposit dengan institusi kewangan Islam		-	-	-	3,405,588
Jumlah pelaburan		6,358,981	3,701,747	4,792,793	14,173,199
Lain-lain asset:					
Cukai boleh diperolehi semula		69,343	51,111	-	45,184
Aset cukai tertunda		4,672	-	-	-
Pelaburan belum terima		4,539	-	-	18,131
Lain-lain belum terima		51,324	250	-	2,128,057
Tunai dan kesetaraan tunai		144,934	2,889	-	348,390
Jumlah lain-lain aset		274,812	54,250	-	2,539,762
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>6,633,793</b>	<b>3,755,997</b>	<b>4,792,793</b>	<b>16,712,961</b>



## PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUNE 2018 (SAMB.)

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>LIABILITI</b>				
Amaun yang kena dibayar kepada Pengurus	704,255	351,391	-	616,336
Liabiliti cukai tertunda	-	1,352	94,304	-
Peruntukan bagi cukai	-	-	-	34,327
Lain-lain belum bayar	-	133,190	739,898	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>704,255</b>	<b>485,933</b>	<b>834,202</b>	<b>650,663</b>
<b>ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL</b>	<b>5,929,538</b>	<b>3,270,064</b>	<b>3,958,591</b>	<b>16,062,298</b>
<b>DIWAKILI OLEH</b>				
Nilai unit	8,252,454	2,482,549	3,074,015	17,056,018
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(2,322,916)	787,515	884,576	(993,720)
	<b>5,929,538</b>	<b>3,270,064</b>	<b>3,958,591</b>	<b>16,062,298</b>
Nilai aset bersih hak pemegang sijil unit	1.2527	1.3986	1.3582	1.1395

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



## PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2017

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>ASET</b>				
Pelaburan:				
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	3,033,822	-	-	12,101,756
Bon Islam tidak disebutharga	2,810,284	3,629,282	-	-
Pelaburan berstruktur	-	-	4,637,937	-
Keuntungan terakru	14,984	30,197	-	1,206
Deposit dengan institusi kewangan Islam	1,144,477	-	-	2,648,265
Jumlah pelaburan	7,003,567	3,659,479	4,637,937	14,751,227
Lain-lain asset:				
Cukai boleh diperolehi semula	-	-	-	-
Pelaburan belum terima	7,854	-	-	29,564
Lain-lain belum terima	-	-	-	355,734
Tunai dan kesetaraan tunai	96,530	18,934	-	252,800
Jumlah lain-lain aset	104,384	18,934	-	638,098
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>7,107,951</b>	<b>3,678,413</b>	<b>4,637,937</b>	<b>15,389,325</b>



## PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2017 (SAMB.)

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>LIABILITI</b>				
Liabiliti cukai tertunda	12,736	2,822	81,915	57,569
Peruntukan bagi cukai	51,391	25,000	-	67,600
Lain-lain belum bayar	415,016	243,676	739,899	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>479,143</b>	<b>271,498</b>	<b>821,814</b>	<b>125,169</b>
 <b>ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL</b>				
	<b>6,628,808</b>	<b>3,406,915</b>	<b>3,816,123</b>	<b>15,264,156</b>
 <b>DIWAKILI OLEH</b>				
Nilai unit	8,070,184	2,344,691	2,818,087	14,522,048
